

# EAEG: AS, Eropah makin positif

BH 5 MAR 1991

Daripada  
**ZAINUDDIN AYIP**

DENPASAR (Bali), Isnin —  
~~Datuk Seri Dr Mahathir Mo-~~  
~~hammad~~, berkata gagasan  
Asean mengenai penubuhan  
Kumpulan Ekonomi Asia Ti-  
mur (EAEG) mula mendapat  
perhatian positif daripada  
Amerika Syarikat dan Eropah  
yang sebelum ini menen-  
tangnya.

Sebelum ini, kata Perdana  
Menteri semua negara Asean  
sudah bersetuju dengan penu-  
buan EAEG yang beliau sen-  
diri cadangkan, malah bebe-  
rapa negara Asia Timur  
termasuk Jepun dan China ti-  
dak menolak gagasan itu.

Presiden Suharto dalam  
upacara perasmian malam  
semalam juga berkata baha-  
wa Indonesia secara terbuka  
menerima apa saja bentuk  
kerjasama serantau selagi ti-  
dak menjejaskan kerjasama  
Asean yang ada.

Datuk Seri Dr Mahathir ber-  
kata demikian dalam ucapan  
dasar bertajuk 'Daripada  
Konfrontasi Menjadi Kerjasa-  
ma: Agenda Asean Kearah  
Keamanan yang lebih produk-  
tif dalam persidangan Asean  
dan Ekonomi Dunia: Cabaran  
dan Perubahan' di sini, lewat  
petang ini.

Bagaimanapun, kata Perda-  
na Menteri negara di Asia Ti-  
mur terutama yang kecil ha-  
rus bersuara dalam satu nada  
untuk mengekalkan aliran  
perdagangan bebas sesama

mereka dan mengelakkan te-  
kanan daripada mengamal-  
kan perdagangan yang  
menggunakan sistem blok.

Harapan ini, kata beliau me-  
ngangsu dilaksanakannya ke-  
cuali negara Asia Timur ber-  
bincang sesama mereka untuk  
mengatasi pelbagai halangan  
yang ada.

Dalam ucapan dasar di ha-  
dapan lebih 1,000 pakar ekono-  
mi, penggubal dasar dan pe-  
niaga dari beberapa negara  
dunia termasuk Jepun,  
Australia, Korea Selatan dan  
Taiwan, Perdana Menteri me-  
nerangkannya lebih terperinci  
mengenai cadangan mewu-  
judkan EAEG.

Beliau berkata, EAEG tidak  
akan menjadi suatu blok per-  
dagangan, sebaliknya kumpu-  
lan ekonomi serantau itu ber-  
tujuan memastikan negara  
berkenaan termasuk Asean  
berpeluang memajukan eko-  
nomi masing-masing.

Menurutnya, suatu kumpu-  
lan ekonomi akan menjadi  
blok perdagangan jika negara  
anggota tidak lagi dibenarkan  
berurusan atas nama negara  
masing-masing.

Kesatuan Eropah (EC), mi-  
salnya mendakwa bukan  
mengamalkan suatu perda-  
ngan yang menggunakan  
sistem blok, tapi yang nyata  
kuota import dan perda-  
ngan sesuatu barangan ti-  
dak lagi berdasarkan sese-  
buah negara, tetapi EC secara  
keseluruhannya.

Amerika Syarikat pula, ka-  
tanya sedang menuju ke arah  
melaksanakan sistem perda-  
ngan tersendiri dengan Ka-  
nada dan tidak lama lagi  
menyusul dengan Mexico  
pula.

"Apa yang saya lihat, matla-  
mat utama Amerika Syarikat  
ialah untuk memastikan nega-  
ra di utara, tengah dan selatan  
Amerika mengamalkan suatu  
kumpulan ekonomi berbentuk  
blok," katanya.

Beliau tidak nampak, nega-  
ra di Asia Timur termasuk  
Asean tidak boleh membentuk  
suatu kumpulan ekonomi  
uyang tidak berbentuk blok se-  
perti Eropah dan Amerika.

"Tapi apakah usaha yang  
sudah kita lakukan selama ini  
untuk memelihara sistem per-  
dagangan bebas kita.

"Apakah kita mahu menge-  
nepikan pertumbuhan ekono-  
mi begitu saja," katanya sam-  
bil menekankan perlunya  
diwujudkan EAEG.

Perdana Menteri juga ber-  
kata, masa depan sejarah  
Asean masih kurang jelas ke  
arah mana yang patut dituju  
dan ikuti.

"Asean juga tidak sepatut-  
nya menjadi alat kerana  
Asean sendiri boleh menyum-  
bangkan sesuatu ke arah pem-  
bentukan aliran baru ekonomi  
antarabangsa," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir ber-  
kata, inilah masanya bagi  
Asean menggunakan daya  
cipta ke arah keamanan yang  
produktif.